

SEJENIS makhluk hidupan laut tanpa wajah yang dikatakan sebesar saiz tubuh badan tiga wanita, ditemukan terdampar di sebuah pantai di Yorkshire, utara England.

Penemuan makhluk aneh itu mengejutkan penduduk yang tinggal di sekitar kawasan berkenaan.

Lapor *Daily Mail*, seorang penduduk bernama Caroline Pindar dari Scarborough menemukan bangkai makhluk misteri itu ketika berjalan di tepi pantai di Hayburn Wyke, utara Yorkshire.

Katanya, lokasi penemuan bangkai makhluk itu amat jauh dan hanya boleh diakses dengan berjalan.

"Sejak beberapa minggu lalu, kawasan ini dilanda ribut teruk dan timbul banyak buih di atas batu yang airnya pasang surut."

"Ketika melihat dari jauh, saya menyangka bangkai itu adalah buih atau sisa alat memancing yang dihanyutkan memandangkan terdapat banyak jenis pencemaran di sini."

"Namun, apabila saya menghampirinya, ia nampak aneh dan terlalu besar," ceritanya.

Menurut Pindar, bangkai makhluk itu dijumpai dalam keadaan sudah mereput, dengan tulang terkeluar dari kulit dan gumpalan lemak di tepinya.

"Tubuh makhluk yang membongkok membuatkannya kelihatan seolah-olah tulang terdedah itu adalah gading seperti semi walrus."

"Tiada kepala mahupun ekor kelihatan pada bangkai makhluk itu, malah baunya terlalu kuat," katanya.


Pindar menganggarkan makhluk hidupan laut ditemukan itu sepanjang 4.87 meter iaitu sebesar saiz tubuh badan tiga wanita yang normal dalam keadaan berbaring.

Beberapa gambar dikongsikan Pindar menunjukkan makhluk tanpa wajah itu mempunyai kulit putih bertompok-tompok yang mana teksturnya kasar, dengan tulang terkeluar di beberapa bahagian badan.

Pindar kemudian berkongsi imej makhluk itu di sebuah kumpulan pakar hidupan laut secara dalam talian untuk mengetahui jenis hidupan.

Bagaimanapun, sehingga kini tiada jawapan jelas mengenai makhluk aneh yang ditemukannya itu.

Malah, pakar di Program Penyiasatan Cetacean Terdampar United Kingdom (UK) juga gagal mengenal pasti jenis hidupan laut



BANGKAI makhluk aneh itu ditemukan di tepi pantai di Hayburn Wyke, utara Yorkshire.
- AGENSI

Makhluk aneh terdampar di pantai Yorkshire


VM 21/01/24 M 15 36

“

Tiada kepala mahupun ekor kelihatan pada bangkai makhluk itu, malah baunya terlalu kuat.”



CAROLINE Pindar menganggarkan makhluk ditemukan itu sepanjang 4.87 meter. - AGENSI



PENEMUAN makhluk aneh itu mengejutkan penduduk setempat di kawasan tersebut.
- AGENSI

tersebut.

Pengurus projek, Rob Deaville menyatakan kes itu amat rumit dan memerlukan lebih banyak masa untuk merungkai misteri berkenaan.

Jelas Deaville, baginya, makhluk itu seolah-olah kelihatan seperti bangkai cetacea besar yang sudah reput.

"Saya rasa boleh melihat sisa lipatan bahagian kerongkong dalam salah satu imej makhluk itu."

"Berdasarkan saiz makhluk, saya merasakan ia mungkin hidupan laut seperti ikan paus minke."

"Namun, sejurnya, sukar untuk menyatakan disebabkan keadaan bangkai makhluk yang mereput teruk," terangnya.